


TARIMAN SINGGA

PERAYAAN ORANG
CHINESE BARU
ORANG MALAYSIA
SINGA CINA
ORANG TAHUN
TAHUN SINGA TAHUN
MALAYSIA CINA
PERAYAAN CINA
ORANG TARIAN
PERAYAAN TAHUN
CINA ORANG CHINESE
MALAYSIA TAHUN PERAYAAN



Tarian Singa adalah tarian tradisi dalam kebudayaan Cina dan kebudayaan kaum Asia lain. Sebenarnya tarian dengan melakonkan watak haiwan telah lama bertapak di China sejak zaman silam dengan catatan dari teks Shujing berusia 2,000 tahun, berkegiatan tarian memakai topeng dan berkegiatan sebagai haiwan buas dan burung lagenda terkenal seluruh dunia akan kelahirannya semula, Pheonix. Dalam sumber dinasti Qing, tarian ini dipersembahkan sebagai upacara menghalau hantu dengan memakai topeng berbulu beruang. Manakala dinasti Han pula mencatatkan pendomin (pelakon bisu) menari dengan berwatakan sebagai ikan, naga dan phoenix. Tarian Singa berasal dari luar China seperti Empayar Parsi dan diperkenalkan ke pada awam pada kurun ke-3 Masihi.

Menurut Laurence Picken iaitu pakar kaji muzik tradisional, perkataan singa yang berbunyi shi berasal dari kata pinjaman dari Parsi iaitu shēr. Penggunaan kata shizi yang juga bermaksud singa pertama kali diguna pada zaman dinasti Han ketika menjalin hubungan dengan Asia Tengah dan kerajaan Parsi, di mana wakil Parsi membawa seekor singa masuk ke China. Penyerapan Tarian Singa dalam masyarakat berlaku di zaman dinasti Tang, sehingga para penyair dan penulis mengenali Tarian Singa ini sebagai tarian asing.

ASAL-USUL

Tarian Singa Selatan dikembangkan di selatan China dari daerah Guangdong. Ada beberapa kisah mengaitkan asal-usul tarian singa ini. Antaranya, tarian singa ini asalnya adalah tarian festival dari penduduk kampung atas kejayaan mereka menghalau makhluk mistik bernama Nian. Kisah lain adalah Maharaja Qianlong bermimpi tentang makhluk pembawa tuah sepanjang pengembaraan ke selatan China, kemudian baginda mengarahkan orangnya untuk mincipta kostum seperti dalam mimpinya dan menggunakannya dalam festival-festival yang akan datang.



Dahulunya, kostum kepala tarian singa cuma menggunakan beberapa warna sahaja tetapi sekarang pelbagai warna digunakan mengikut permintaan pelanggan, antaranya, merah, kuning, hijau dan biru. Namun tidak ramai yang tahu pengertian di sebalik warna pada setiap bahagian naga dan singa yang dihasilkan. Warna pada kepala dan badan tarian singa mempunyai maksud tersirat dan mewakili personaliti dan karakter hero legenda Three Kingdom sejarah negara China. Warna kuning pula membawa maksud naga bertuah dan jujur, manakala warna merah pembawa semangat dan bijak serta hitam merupakan kekuatan dan juga ke setiaan dlm hubungan.